

Laporan Menghadiri Persidangan - *Malaysia International Biological Symposium 2012*

Artikel oleh: Roslina Jawan

Pada 11hb - 12hb Julai 2012, seramai tiga orang pensyarah Program Bioteknologi iaitu Prof. Madya Dr. Jualang Azlan Gansau, Pn. Roslina Jawan dan Cik Hartinie Marbawi telah menghadiri *Malaysia International Biological Symposium 2012* di Residence Hotel, Selangor. Simposium ini dianjurkan oleh

Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia.

Simposium ini amat berfaedah kerana mampu membuka peluang kepada para penyelidik untuk meneliti bidang-bidang kajian terkini di dalam dan luar negara. Ia bukan sajalah mendedahkan peserta kepada kajian-kajian



Foto kenangan bersama peserta *Malaysia International Biological Symposium 2012*.

pemuliharaan yang dijalankan oleh para penyelidik di seluruh Malaysia malahan turut memberi pendedahan berkaitan kajian yang dijalankan di negara lain seperti Jepun, India, Indonesia, Korea, Thailand, Iran dan lain-lain lagi. Ini juga membuka ruang bagi para penyelidik berkongsi idea dan pendapat dengan penyelidik luar serta mengaplikasikan kaedah-kaedah yang sesuai dalam penyelidikan sedia ada di Universiti Malaysia Sabah.